



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 45

24 Mei 2001

No. 11

No. 158.

PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan dalam Perkara 1 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bahawa hendaklah ada seorang Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu;

DAN BAHAWASANYA pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 1, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melantik YANG AMAT BERBAHAGIA DATO' SERI HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS sebagai Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Pulau Pinang;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan ini diisytiharkan bahawa TUAN YANG TERUTAMA DATO' SERI HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS telah menyandang jawatan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Pulau Pinang mulai dari 1 Mei, 2001.

DIPERBUAT PADA 1 haribulan Mei tahun 2001.

Dengan Perintah,

(TAN SRI DR. KOH TSU KOON),
Ketua Menteri,
Pulau Pinang

[PSUK/PP/007/12/1.]

PROCLAMATION

WHEREAS it is provided in Article 1 of the Constitution of the State of Penang that there shall be a Yang di-Pertua Negeri of the State;

AND WHEREAS in exercise of the powers conferred by the said Article 1, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong has appointed YANG AMAT BERBAHAGIA DATO' SERI HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS as the Yang di-Pertua Negeri of the State of Penang;

NOW THEREFORE it is hereby proclaimed that TUAN YANG TERUTAMA DATO' SERI HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS has assumed the office of the Yang di-Pertua Negeri of the State of Penang with effect from 1st May, 2001.

DATED THIS 1st day of May 2001.

By Command,

(TAN SRI DR. KOH TSU KOOON),
*Chief Minister,
Penang*

[PSUK/PP/007/12/1.]

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)

No. 159.

(Seksyen 97 dan 98)
NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Hashim bin Jubali yang beralamat di atas tidak dikesan, tuan punya tanah/tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

24 Mei 2001]

145

kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Mukim 11, Seberang Perai Selatan; Jenis dan No. Hakmilik—I.R.; No. Lot/P.T.—Lot 561; Hasil Tahun Ini—RM12.00; Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—RM73.10; Bayaran Dalam Yang Dikenakan Sebagai Hasil—RM47.00, Notis 6A; Bayaran-bayaran Terhutang—Tiada; Jumlah Kena Dibayar—RM132.10 dan RM10.00 (RM142.10).

Bertarikh 23 April 2001.
[(13) PTSPS/F/160 (44/1997).]

ROSNAH BINTI ISMAIL,
Penolong Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Selatan

No. 160.

(Seksyen 168)
NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

JADUAL

Mukim—14 Seberang Perai Tengah; No. Lot—13; Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim No. 10; Luas—1 Ekar 3 Rood 04 Pol.

Bertarikh 30 April 2001.
[PTSPT/D/1488.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,
b.p. Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Tengah,
Bukit Mertajam

No. 161.

(Seksyen 187B)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
SURATAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

JADUAL

Mukim—9, Seberang Perai Tengah; No. Lot—634; Jenis dan No. Hakmilik—
Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 299; Luas—3,998 Kaki Persegi.

Bertarikh 17 April 2001.

[PTSP/D/486.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,
b.p. Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Tengah,
Bukit Mertajam

No. 162.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Mohd. Saad bin Haji Sulaiman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 25 Mei 2001 di Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah, Jalan Betik, Sungai Rambai, Bukit Mertajam, jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM140,000.00.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

24 Mei 2001]

147

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM132,620.07 sehingga 8-5-2001.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 11, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—Lot 4814; Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 734; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. No. 2911/97 Jilid No. 141 Folio No. 87.

Bertarikh 23 April 2001.
[PTSPT/D/1346.]

HAJI MOHD. SAAD BIN HAJI SULAIMAN,
Pentadbir Tanah,
Seberang Perai Tengah,
Bukit Mertajam

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA